




KEDUDUKAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI



Pelibatan dan sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi negara sememangnya tidak dapat dinafikan dalam era globalisasi pada masa ini. Dengan jumlah yang mewakili separuh daripada penduduk Malaysia, iaitu lebih daripada 14 juta dan membentuk hampir lima juta keluarga, peranan wanita di negara ini dilihat cukup signifikan, apatah lagi dengan sasaran kerajaan untuk meletakkan Malaysia dalam pentas negara maju menjelang tahun 2020.



Jika dahulu wanita sering dikaitkan dengan peranannya sebagai suri rumah, tetapi kini pencapaian golongan ini sudah memasuki fasa yang lebih luas dan cemerlang serta berjaya memecahkan dominasi golongan lelaki, sama ada dalam bidang kepimpinan, pentadbiran, mahupun keusahawanan. Perkembangan ini selari dengan tempoh 55 tahun kemerdekaan yang dicapai oleh negara.

Sekiranya kita menyusuri perkembangan wanita dalam bidang ekonomi, secara umumnya wanita merupakan antara penyumbang utama kepada proses pembangunan

sebuah negara. Di negara maju, pelibatan wanita dilihat bermula sejak berlakunya revolusi industri di Eropah. Di negara membangun pula, pelibatan wanita dalam aktiviti ekonomi bermula dengan aktiviti sara diri, khususnya yang melibatkan sektor pertanian.

Di Malaysia, wanita turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara. Oleh sebab golongan wanita di Malaysia mewakili separuh daripada jumlah penduduk negara, pelibatan mereka dalam pembangunan ekonomi sangat penting untuk meningkatkan pendapatan negara dan sekali gus

membantu memperbaiki status sosioekonomi keluarga.

Dalam konteks ekonomi, sememangnya wanita Malaysia sudah mampu menembusi pelbagai sektor yang selama ini dikuasai oleh golongan lelaki. Namun demikian, cabaran yang perlu dihadapi oleh golongan wanita yang berkerjaya adalah mengimbangi antara tuntutan keluarga dengan tuntutan kerjaya supaya tidak menimbulkan sebarang konflik. Dalam hal ini, sokongan moral daripada golongan lelaki sangat penting terhadap isteri masing-masing yang turut berperanan dalam menyumbangkan pendapatan keluarga.


Berdasarkan Laporan Perniagaan Antarabangsa Grant Thornton (IBR) bagi tahun 2012, Malaysia menduduki tangga ke-10 yang menunjukkan wanita sebagai pengurusan kanan dalam sektor ekonomi. Kedudukan ini menggambarkan pencapaian cemerlang golongan wanita yang semakin meningkat untuk menyaingi dominasi lelaki. Dapatan juga memperlihatkan bahawa peratusan wanita dalam pengurusan kanan menurun sedikit, daripada 30 peratus kepada 28 peratus berbanding dengan pencapaian pada tahun 2011.

Walaupun bagaimanapun, pencapaian Malaysia dilihat begitu membanggakan kerana kedudukan wanita masih berada pada tangga 10 yang teratas dalam kalangan wanita yang memegang jawatan dalam pengurusan kanan syarikat. Berbanding dengan pencapaian negara luar, kajian itu menunjukkan bahawa Rusia mencatatkan jumlah tertinggi wanita

terbabit dalam pengurusan kanan, iaitu sebanyak 46 peratus diikuti oleh Botswana, Thailand dan Filipina yang semuanya membabitkan 39 peratus wanita.


Sementara itu, di negara yang mengamalkan budaya patriarki, jumlah wanita yang terbabit dalam pengurusan kanan adalah sangat rendah, iaitu Jepun (lima peratus), India (14 peratus) dan Emiriah Arab Bersatu (15 peratus). Pada peringkat antarabangsa juga, kurang daripada satu dalam 10 perniagaan diketuai oleh wanita, dan sekali gus menunjukkan bahawa hal ini adalah sukar bagi wanita untuk ke tahap tertinggi dalam dunia perniagaan.

Dapatan memperlihatkan hanya sembilan peratus daripada perniagaan mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif wanita, walaupun 15 peratus di rantau ASEAN dan hanya enam peratus di Amerika Utara. Di rantau Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun) dan Eropah,



Rajah 1 Kadar Pertukaran yang Rendah Sejak 2004.
Peratus Wanita dalam Pengurusan Kanan Global.

Sumber: Grant Thornton IBR 2012.



Rajah 2 Wanita dalam Perniagaan di Seluruh Dunia.
Peratus Wanita dalam Pengurusan Kanan.

Sumber: Grant Thornton IBR 2012.

13 peratus perniagaan dipimpin oleh wanita, mendahului Amerika Latin, rantau Nordic dan ekonomi BRIC (Brazil, Rusia, India dan China), semuanya adalah sembilan peratus, dan negara G7 pula hanya menyaksikan pencapaian lapan peratus.

Australia muncul sebagai negara dengan nisbah tertinggi Ketua Pegawai Eksekutif wanita; pada kadar

tiga daripada 10 perniagaan diketuai oleh wanita, mendahului Thailand (29 peratus), Itali (24 peratus) dan Argentina (23 peratus), manakala Botswana, Brazil dan Jepun (tiga peratus), iaitu angka berkenaan ialah prestasi terburuknya.

Walaupun bagaimanapun, kedudukan wanita pada peringkat global dilihat terbaik dari aspek

pengurusan kewangan dan sumber manusia. Dalam bidang perniagaan, Taiwan mencatatkan sejumlah 48 peratus wanita terlibat dalam sektor ini dan berkemungkinan mengambil tempat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, dan kedudukan ini diikuti oleh China (39 peratus), Sweden (37 peratus) dan Finland (31 peratus).

Laporan IBR juga mendedahkan bahawa jawatan yang dipegang oleh wanita dalam pengurusan kanan di Malaysia membabitkan jawatan Pengarah Sumber Manusia ialah sebanyak 20 peratus, Ketua Pegawai Kewangan (10 peratus) dan pengarah dengan masing-masing mencatat lapan peratus dan hanya enam peratus Ketua Pegawai Eksekutif ialah wanita. Namun demikian, 21 peratus daripada perniagaan yang dikaji tidak membabitkan wanita dalam barisan ahli lembaga pengurusan.

Kerajaan dan pemimpin perniagaan dalam pasaran baharu muncul perlu menangani kepincangan dan kemerosotan ini. Kita tidak mahu peranan wanita dalam jawatan kanan kekal pada tahap berkenaan. Sememangnya pertumbuhan ekonomi negara semakin baik, tetapi bakat wanita untuk berada pada tahap yang tertinggi dalam sebarang jawatan kanan perlu diberikan perhatian yang lebih lagi.

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, sangat prihatin akan usaha memperkasakan peranan wanita sebagai penggerak ekonomi negara. Berkaitan dengan usaha ini, beliau menyeru supaya sektor swasta turut meningkatkan penyertaan wanita di Malaysia dalam jawatan peringkat tertinggi seperti Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota lembaga pengarah. Beliau juga menyarankan agar syarikat korporat "membuka mata" untuk menilai kebolehan wanita dari sudut yang lebih signifikan. Wanita kini sememangnya hebat dan berupaya menerajui syarikat jika diberikan peluang.

Dalam memperkatakan kuasa wanita sebagai antara agen pembangunan ekonomi negara, pada tahun 1989, kerajaan mengambil inisiatif untuk menggubal Dasar Wanita Negara

(DWN). Penggubalan dasar yang memperlihatkan komitmen kerajaan, bertujuan untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara, di samping menjaga kepentingan dan penyertaan wanita supaya tidak diketepikan.

Berhubung dengan hal ini, dua objektif yang menjadi fokus penggubalan DWN adalah untuk menjamin perkongsian yang saksama antara lelaki dengan wanita dalam pemilihan sumber dan maklumat, di samping memperoleh peluang

Penyertaan lebih banyak wanita di negara ini dalam bidang usahawan memperlihatkan perkembangan yang amat baik kepada ekonomi negara dan hal ini tidak menimbulkan persaingan kerana rata-rata bidang yang diceburi berbeza antara satu sama lain.

dan faedah daripada pembangunan. Sementara itu, matlamat yang kedua adalah untuk mengintegrasikan golongan wanita dalam semua sektor pembangunan negara. Hal ini selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan serta buta huruf, selain memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), langkah yang

lebih proaktif diambil untuk meningkatkan penyertaan wanita pada pelbagai peringkat dalam sektor awam dan swasta, termasuk bidang keusahawanan. Bagi memastikan hal ini dapat direalisasikan, undang-undang serta peraturan yang berkaitan dan telah sedia ada, akan disesuaikan untuk mendorong penyertaan lebih besar daripada golongan wanita.

Hasrat kerajaan untuk meningkatkan jumlah penyertaan usahawan wanita pada tahun ini dilihat sebagai relevan untuk dicapai. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa ini, bilangan usahawan wanita yang mendaftar dengan beberapa buah pertubuhan atau persatuan tempatan, khususnya yang berkaitan dengan bidang keusahawanan, sudah pun berjumlah lebih daripada 25 ribu orang.

Penyertaan lebih banyak wanita di negara ini dalam bidang usahawan memperlihatkan perkembangan yang amat baik kepada ekonomi negara dan hal ini tidak menimbulkan persaingan kerana rata-rata bidang yang diceburi berbeza antara satu sama lain. Usahawan wanita tempatan banyak mempunyai idea dan keupayaan untuk membuka perniagaan.

Cuma, hal yang sering menjadi kekangan kepada golongan wanita yang baru berjinak-jinak dengan bidang keusahawanan ialah masalah kekurangan modal atau dana bagi memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Dalam hal ini, sudah tentu peranan kerajaan sangat penting dalam menyediakan ruang yang lebih luas untuk mendapatkan dana atau pinjaman bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi yang dimiliki oleh wanita dalam bidang keusahawanan.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2011, dapatan menunjukkan sebanyak 662 939 pertubuhan perniagaan yang beroperasi di negara ini menandakan

nilai tambah, iaitu jumlah keluaran barangan dan perkhidmatan sebanyak RM707.5 bilion. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, daripada jumlah itu, sebanyak 591 137 pertubuhan perniagaan atau 89.2 peratus mewakili sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan menyumbangkan RM371.6 bilion atau 52.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai tambah.

Selain itu, sebanyak 39 669 atau enam peratus pertubuhan terlibat dalam aktiviti pembuatan; 22 140 atau 3.3 peratus dalam pembinaan; 8829 atau 1.3 peratus dalam pertanian dan 418 atau 0.06 peratus dalam perlombongan serta kuari. Dapatan banci tersebut menunjukkan bahawa dari segi jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan pula, sebanyak 127 422 atau 19.2 peratus syarikat dimiliki

oleh golongan wanita. Golongan wanita paling banyak terlibat dalam sektor perkhidmatan, iaitu 91.5 peratus diikuti dengan pembuatan dan pembinaan, iaitu masing-masing sebanyak 6.9 peratus dan 1.1 peratus.

Bagi memastikan golongan usahawan wanita negara ini dapat terus memacu pendapatan syarikat, mereka disarankan agar mendaftar dengan mana-mana persatuan usahawan. Hal ini bagi membolehkan mereka mendapat lebih banyak maklumat, khususnya mengenai peluang bagi mengembangkan perniagaan, meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan, di samping membantu membina rangkaian kerja yang lebih kukuh.

Presiden Persatuan Wanita Bumiputra dalam Perniagaan dan Profesen (Peniagawati), Datuk Hazimah Zainuddin, turut menggesa semua usahawan wanita di negara ini agar mendaftar sebagai ahli persatuan, tidak kira apa-apa persatuan pun, yang penting semua usahawan wanita dapat mendekati diri dengan jaringan yang sesuai untuk menjanakan pendapatan perniagaan masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka dapat menjalinkan rangkaian kerja yang lebih luas, di samping mendapat peluang atau peruntukan yang boleh dimanfaatkan.

Sementara itu, peningkatan kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Wanita dan institusi lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi meningkatkan kegiatan keusahawanan adalah baik. Hal ini dapat dijadikan landasan yang baik untuk meningkatkan pelibatan wanita dalam bidang keusahawanan di negara ini. Pada masa yang sama, langkah peningkatan kerjasama yang diambil sekurang-kurangnya membolehkan usahawan wanita terus membangun dan meningkatkan kemahiran, di samping berupaya mengenal pasti kelemahan mereka. DE

Jadual 1 Antara persatuan atau pertubuhan yang dapat disertai oleh wanita di Malaysia.

Bil.	Nama Organisasi	Alamat Sesawang
1.	Yayasan Salam Malaysia	www.salam.org.my
2.	Yayasan Pendidikan & Vokasional Wanita Malaysia (YPVWM)	www.ypvwm.com
3.	Persatuan Wanita Bumiputra Dalam Perniagaan Profesion Malaysia (PENIAGAWATI)	www.peniagawati.org.my
4.	Persatuan Usahawan Wawasan Wanita Malaysia (WAWASANITA)	www.wawasanita.com
5.	Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI)	www.pertiwi.org.my
6.	Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM)	www.jim.org.my
7.	Persatuan Peguam Syarie Malaysia	www.peguamsyarie.blogspot.com
8.	Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM)	www.ppsm03.tripod.com
9.	Persatuan Jaringan Usahawan Wanita Bumiputra Malaysia (WENA)	www.wena.org.my
10.	Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)	www.macma.org.my
11.	National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia (NAWEM)	www.nawem.org.my
12.	Islamic Da'wah Foundation Malaysia	www.yadim.com.my
13.	National Council of Welfare and Social Development Malaysia (MAKPEM)	www.ncwdsdm.org.my
14.	National Council of Women Organization (NCWO)	www.ncwo.org.my
15.	Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIIM)	www.lkpimsel.gov.my
16.	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia	www.dpmm.org.my
17.	Malaysia Islamic Business Council (DPIIM)	www.dpiim.com.my
18.	Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia (DUID)	www.duid.my
19.	All Women's Action Society (AWAM)	www.awam.org.my
20.	Ikatan Siswazah Muslim Malaysia	www.ismaweb.net